



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,  
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901  
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)  
: 06-5293932 (KEWANGAN)  
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my  
Laman Web : <http://www.ppdjasin.edu.my>



Rujukan kami: PPDJ.700.7/37( 14 )

Tarikh: 25 Februari 2010

10 Rabi'ul Awal 1431

Guru Besar,  
SK/SJKC/SKJT/SABK Daerah Jasin

Tuan,

**PRAUJIAN PROGRAM 3M (PROTIM) BAGI KEMAHIRAN MEMBACA,  
MENULIS DAN MENGIRA MURID-MURID TAHUN 4 DAN 5 2010**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan tarikh pelaksanaan Praujian PROTIM Tahun 4 dan 5 akan dijalankan pada **1-5 Mac 2010**. Ujian ini wajib dilaksanakan sekiranya terdapat murid-murid Tahun 4 dan 5 yang telah dikenalpasti masih belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira di sekolah tuan pada tahun ini.

3. Sehubungan ini, kami senaraikan bahan-bahan yang berkaitan dengan pelaksanaan praujian tersebut iaitu:

- 3.1 Soalan Praujian Kemahiran 2M Tahun 4 dan 5
- 3.2 Skema jawapan Praujian
- 3.3 Panduan pelaksanaan Praujian
- 3.4 Borang Analisis Pencapaian Individu (API)
- 3.5 BRG 1: Maklumat Sekolah
- 3.6 BRG 2: Rekod Sekolah
- 3.7 BRG 3: PPD/JPN/BPK

4. Bahan Praujian Kemahiran Mengira Tahun 4 dan 5 adalah sama seperti tahun lepas dan pihak sekolah boleh memperbanyakkan soalan yang sedia ada.

5. Jasabaik pihak sekolah diminta untuk memastikan analisa markah bagi kemahiran ini dihantar ke PPD Jasin selewat-lewatnya pada **10 Mac 2010**. Sila simpan salinan maklumat berkenaan di dalam fail PROTIM sekolah bagi tujuan pemantauan program ini dimasa hadapan. Kerjasama dan komitmen tuan dalam menjayakan program ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(YUSOF BIN AHMAD)

Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

s.k. Jabatan Pelajaran Melaka  
Fail PPD

**CARTA ALIR**  
**PROGRAM PEMULIHAN 3M (PROTIM)**  
**TAHUN 4 & 5/ 2010**

**PRAUJIAN**  
**21 - 25 FEBRUARI 2010**

**ANALISIS PRAUJIAN**

- 8 - 10 Mac 2010: Sekolah serah data ke PPD/PPG
- 15 - 17 Mac 2010: PPD/PPG serah data ke JPN
- 29 - 31 Mac 2010: JPN serah data ke BPK

**KELAS PROTIM**

Mulai 1/2 Mac hingga 29 Oktober 2010

**PASCAUJIAN**  
**1/4 NOVEMBER 2010**

**ANALISIS PASCAUJIAN**

- 10/12 Nov. 2010: Sekolah serah data ke PPD/PPG
- 21/23 Nov. 2010: PPD/PPG serah data ke JPN
- 28/30 Nov. 2010: JPN serah data ke BPK

**LAPORAN PENCAPAIAN PROGRAM**  
**PROTIM OLEH BPK**